

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah faedah daripada simpanan tetap itu bagi tahun lalu dan apa pelan jangka masa panjang bagi wang simpanan tetap itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, berdasarkan kepada Penyata Kewangan DBKL pada 31 Disember 2017 (telah diaudit), jumlah simpanan tetap DBKL adalah berjumlah RM5,360,656,203 dan ia bukan merupakan rizab tunai. Manakala jumlah pulangan yang diterima dalam tahun 2017 adalah sebanyak RM234,533,835. DBKL mengamalkan sistem kewangan yang berhemah dan hasil daripada simpanan tersebut telah memberi pulangan yang baik setiap tahun secara konsisten kepada DBKL seperti dalam tahun 2015 pulangan diterima sebanyak RM203.8juta, 2016 pulangan RM228.3juta dan 2017 pulangan RM234.5juta.

Simpanan tetap ini akan dicairkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan kewangan dan pembayaran di mana DBKL mempunyai liabiliti

NO. SOALAN : 25

dan komitmen kewangan semasa yang perlu dibayar berjumlah RM8,291,938,009 yang merangkumi perkara seperti liabiliti semasa, liabiliti jangka panjang, komitmen modal (projek pembangunan), liabiliti luar jangka (tindakan undang-undang) dan simpanan gaji. Pada masa yang sama, terimaan geran pengurusan (B32 Outright Grant), *Capitation Grant*@Geran Khas DBKL daripada Kerajaan Persekutuan semakin berkurang. Ini menyebabkan DBKL terpaksa menggunakan sumber kewangan dalaman DBKL sendiri bagi menampung perbelanjaan ini.